

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN ER TECK HWA

SOALAN : NO. 185

Tuan Er Teck Hwa [Bakri] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan jumlah pelajar sekolah, pelajar kolej dan universiti yang menagih dadah mengikut pecahan negeri, jantina dan agama dari tahun 2013, 2014, 2015, 2016 dan sehingga 30/09/2017.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) tidak menyimpan statistik mengenai kes penagihan dadah kerana perkara ini adalah di bawah bidang kuasa Kementerian Dalam Negeri.

Namun begitu, KPT melaksanakan pelbagai inisiatif dalam usaha membendung gejala penyalahgunaan dadah di kalangan pelajar institusi pendidikan tinggi (IPT) dengan melalui program kerjasama dengan Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM). Antara program-program yang diadakan adalah seperti berikut:

- (a) Program ceramah dan bengkel berkaitan kesedaran Anti Dadah yang dianjurkan oleh IPT dengan kerjasama AADK, PDRM dan Pejabat Kesihatan Daerah;

Manakala berdasarkan Sistem Sahsiah Diri Murid (SSDM) jumlah murid yang dibuang sekolah adalah seperti berikut:

Jenis Sekolah	2013	2014	2015	2016	2017
Sekolah Kebangsaan	3	1	7	13	1
Sek Jenis Keb. Cina	1	0	0	3	1
Sek Jenis Keb. Tamil	1	0	0	0	0
Sek.Men. Keb.	2,088	2,205	1,342	661	480

RT13/184

230
RT13/184

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN BERTULIS : TUAN ER TECK HWA [BAKRI]
DARIPADA**

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Tuan Er Teck Hwa [Bakri] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jumlah pelajar sekolah rendah dan menengah yang berhenti sekolah secara sukarela dan dibuang sekolah mengikut pecahan SKR, SJK(C), SJK(T), SMK dan SMJK(C) mengikut setiap daerah dari tahun 2013, 2014, 2015, 2016 dan sehingga 30 September 2017.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Berdasarkan Aplikasi Pangkalan Data Murid (APDM) jumlah murid yang berhenti sekolah adalah seperti berikut:

Jenis Sekolah	2013	2014	2015	2016	2017
Sekolah Kebangsaan	17	79	75	706	225
Sek Jenis Keb. Cina	4	9	9	141	47
Sek Jenis Keb. Tamil	3	6	3	38	17
Sek.Men. Keb.	260	381	222	7,152	4,451

Antara tahun 2013 sehingga 2016, sebanyak **2,726,266** beg darah telah dikumpul dari rakyat Malaysia. Penderma ulangan setiap tahun adalah melebihi 60% daripada keseluruhan penderma darah di Malaysia. Sehingga tahun 2016, terdapat seramai 693,063 penderma darah di Malaysia.

Pelbagai usaha dan inisiatif sedang diambil oleh Kementerian Kesihatan Malaysia dalam menggalakkan lebih ramai rakyat Malaysia menderma darah. Antara inisiatif adalah kerjasama dengan pelbagai agensi di dalam menganjurkan kempen-kempen derma darah, mengadakan kempen-kempen pendidikan mengenai kepentingan menderma darah di kalangan pelajar-pelajar sekolah bagi menanamkan kesedaran dan minat tentang pendermaan darah, dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua,

Bukan semua rakyat Malaysia dapat menderma darah. Terdapat kriteria yang perlu dipenuhi sebelum seseorang itu boleh menjadi penderma darah. Sebagai contoh, seseorang penderma perlu mempunyai tubuh badan yang sihat, berat badan 45 kg ke atas, tiada masalah kesihatan dan sebagainya. Selain itu, terdapat syarat untuk kekerapan seseorang boleh menderma darah. Kriteria tersebut adalah diperlukan untuk menjamin kesihatan penderma dan juga penerima darah tersebut. Ini adalah penting untuk memastikan bahawa risiko untuk mendapat penyakit dari transfusi darah adalah minima agar kesihatan rakyat kita terjamin.

Sebanyak 61,252 kempen derma darah telah diadakan dari tahun 2013 sehingga 2016. Tiada kempen darah yang tidak diluluskan. Namun demikian, slot kempen yang tidak dapat dilaksanakan adalah disebabkan oleh slot telah penuh ataupunkekangan kakitangan.